


Lawatan PM naik imej Islam

BH - 11/4/2007.

Abdullah tidak pernah burukkan parti pembangkang ketika di luar negara



Laporan Magendran Rajagopal dan Nahar Tajri

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah menggunakan peluang berucap di luar negara untuk mengkritik mana-mana parti politik, khususnya parti pembangkang di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Men-

teri (JPM), Datuk Seri Nazri Aziz, berkata sebaliknya Abdullah menggunakan peluang itu untuk menjelaskan konsep Islam Hadhari kepada warga antarabangsa, khususnya kepada bukan Islam.

"Dalam konteks ini Yang Amat Berhormat sudah memberi gambaran bahawa umat Islam hari ini harus bersifat progresif dan dinamik bagi mengharungi dunia moden yang mencabar dengan berpegang kepada prinsip Islam Hadhari yang toleran dan sederhana sebagai panduan.

"Oleh itu, isu kritikan terhadap Pas tidak seharusnya timbul," katanya ketika menggulung perbincangan usul menjunjung kasih titah

“*Dalam konteks ini Yang Amat Berhormat memberi gambaran umat Islam hari ini harus bersifat progresif dan dinamik bagi mengharungi dunia yang mencabar***”**

Nazri Aziz
Menteri di JPM

Yang di-Pertuan Agong sempena perasmian sidang Parlimen, di Dewan Rakyat, semalam.

Abdul Fatah Harun (PAS-Rantau Panjang) dalam perbincangannya membangkitkan sikap Abdullah terhadap Pas dengan mendakwa Perdana Menteri mengkritik parti itu secara terbuka di luar negara di depan orang Islam dan bukan Islam.

Sementara itu, seorang lagi Menteri di JPM, Datuk Dr Abdullah Md Zin, yang bertanggungjawab ke atas isu agama Islam berkata, Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri pada dasarnya bersetuju menggunakan logo halal yang seragam di seluruh negara mulai Januari tahun depan.

Sementara itu, Nazri berkata, pembabit dalam Majlis Antara Agama (IFC) sewajarnya bersifat sukarela kerana isu agama hak peribadi yang sensitif bagi seseorang dan pendidikan umat Islam untuk tidak menyertainya harus dihormati.

Bagaimanapun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata ketiadaan wakil umat Islam dalam IFC tidak menjadi masalah kerana majlis itu mempunyai alternatif lain bagi membincangkan isu kepentingan bersama.

"Jika orang Islam tidak mahu diwakili dalam IFC, majlis ini boleh mengemukakan masalah kepada Perdana Menteri," katanya.